

# FALSAFAH, BAHASA DAN PEMIKIRAN MELAYU DALAM LIRIK LAGU BANGAU OH BANGAU DAN BURUNG KENEK-KENEK

***PHILOSOPHY, LANGUAGE AND MALAY THOUGHT IN THE LYRICS  
BANGAU OH BANGAU AND BURUNG KENEK-KENEK***

**Farra Humairah Mohd<sup>1</sup>**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia  
(Email: farrahumairah@fbk.upsi.edu.my)

**Nordiana Hamzah<sup>2</sup>**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia  
(Email: diana.azmi@fbk.upsi.edu.my)

**Hasrina Baharum<sup>3</sup>**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia  
(Email: hasrina@fbk.upsi.edu.my)

**Accepted date:** 10-12-2018

**Published date:** 11-07-2019

**To cite this document:** Mohd, F. H., Hamzah, N., & Baharum, H., (2019). Falsafah, Bahasa dan Pemikiran Melayu dalam Lirik Lagu “Bangau Oh Bangau” dan “Burung Kenek-Kenek”. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(6), 14-26.

**DOI:** 10.35631/ijhpl.26002

---

**Abstrak:** Pemikiran Melayu disampaikan secara tersurat dan tersirat dalam karya-karya Sastera Melayu. Pemikiran dalam lirik lagu tradisional khasnya lirik lagu “Bangau Oh Bangau” dan “Burung Kenek-Kenek” turut menyerahkan satu gambaran nilai sosial, nilai moral, dan fungsi adat dalam kehidupan bermasyarakat sekali gus menonjolkan falsafah bangsa Melayu yang ada kaitannya dengan metafizik, epistemologi, etika, logik, dan estetika hasil interaksi mereka terhadap alam benda, alam flora dan fauna yang ada di sekeliling mereka. Sehubungan itu kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenal pasti hubungan falsafah, bahasa dan pemikiran dalam lirik lagu “Bangau Oh Bangau” dan “Burung Kenek-Kenek” dengan menggunakan hipotesis Sapir-Whorf. Dalam kajian ini kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks. Hasil kajian mendapati lirik lagu “Bangau Oh Bangau” memaparkan empat falsafah dan pemikiran Melayu dalam iaitu sindiran kepada budaya menyalahkan orang lain, sindiran kepada masyarakat pemalas, keikhlasan dalam melaksanakan sesuatu tindakan atau perancangan dan falsafah pegangan hidup. Manakala lirik lagu “Burung Kenek-Kenek” pula mendapati falsafah dan pemikiran sebagai nasihat agar menjadi insan yang bertaqwah, nasihat agar patuh kepada ibu bapa dan berakhhlak mulia (tidak bersikap angguh). Kajian juga membuktikan terdapat hubungan falsafah, bahasa dan pemikiran dalam lirik lagu Melayu khasnya lirik lagu “Bangau Oh Bangau” dan “Burung Kenek-Kenek” sebagaimana yang dinyatakan dalam hipotesis Sapir-Whorf.

Kesimpulannya, penelitian terhadap lirik lagu “Bangau Oh Bangau” dan “Burung Kenek-Kenek” telah dapat menyerlahkan ketinggian pemikiran dan kekreatifan bangsa Melayu dalam penciptaan lirik lagu Melayu dengan bersumberkan alam sekeliling.

**Kata Kunci:** Falsafah, Bahasa, Pemikiran Melayu, Lirik Lagu “Bangau Oh Bangau”, Lirik Lagu “Burung Kenek-Kenek”, Hipotesis Sapir Whorf

*Abstract: The Malay mind is explicitly and implicitly expressed in the works of Malay literature. The thinking in the lyrics of folk songs, in particular those of “Bangau Oh Bangau” and “Burung Kenek-Kenek”, give emphasis to social and moral values as well as the role of custom in community lives. These songs draws attention to the Malay philosophy that are related to metaphysics, epistemology, ethics, logic and aesthetic through their interaction with nature as well as the surrounding plant and animal kingdoms. This study aims to identify the philosophy, language and thinking in the lyrics of “Bangau Oh Bangau” and “Burung Kenek-Kenek” by employing the Sapir-Whorf hypothesis. The quantitative method employed in the preset study is the text analysis method. The study has identified four Malay philosophy and thinking in “Bangau Oh Bangau”: sarcasm with regard to the culture of shifting the blame, sarcasm concerning the indifferent attitude of the society, sincerity in action or planning, and philosophy or principle of life. The philosophy and thinking in the lyrics for “Burung Kenek-kenek” encourage one to strive for piousness, filial piety and noble character (humility). The study has also shown the link between philosophy, language, and thoughts in the lyrics of Malay songs, in particular “Bangau Oh Bangau” and “Burung Kenek-Kenek”, as stated in the Sapir-Whorf hypothesis. In summary, analysis of the lyrics of “Bangau Oh Bangau” and “Burung Kenek-Kenek” has brought into the open the superiority of Malay thinking and creativity in composing the lyrics of Malay songs that are inspired by nature.*

**Keywords:** Philosophy, Language, Malay Thought, Lyrics “Bangau Oh Bangau”, Lyrics “Burung Kenek-Kenek”, Sapir Whorf Hypothesis

---

## Pendahuluan

Alam dan manusia mempunyai hubungan yang erat malah tidak dapat dipisahkan kerana tanpa alam, manusia tidak dapat meneruskan hidup dengan lebih sempurna. Bagi orang Melayu, hubungan yang wujud antara mereka dengan alam sekitar merupakan hubungan yang telah dikenali, dibina dan diwarisi sejak zaman-berzaman (Othman Puteh, 2004: 173). Maka, terciptalah lirik-lirik lagu yang berkaitan dengan alam sama ada flora dan fauna yang mencerminkan kehidupan masyarakat sebagai satu sindiran atau satira secara halus.

Lagu “Bangau Oh Bangau” dan “Burung Kenek-Kenek” merupakan lirik lagu yang telah diketahui umum terutamanya dalam masyarakat Melayu yang sering dinyanyikan oleh golongan kanak-kanak. Lagu ini digolongkan dalam lagu tradisional. Menurut Nani Menon (2007: 83), lagu tradisional perlu diperkenalkan kepada kanak-kanak sejak awal lagi. Hal ini kerana lagu tradisional menggambarkan kebudayaan dan nilai-nilai bangsa dan negara. Dengan itu, ia memberi peluang kepada generasi kini mengenali identiti kebangsaan. Banyak daripada lagu tradisional kanak-kanak berunsur jenaka dan juga memberikan nasihat dan nilai-nilai positif kepada kanak-kanak. Umumnya, lirik lagu “Bangau Oh Bangau” dan “Burung Kenek-Kenek” bukan dicipta sekadar hiburan semata-mata tetapi terdapat falsafah dan pemikiran yang terkandung disebalik

bait-bait lirik yang penuh dengan sindiran yang ditujukan kepada masyarakat Melayu secara khususnya.

Selanjutnya, masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan kepelbagaiannya seni irama dan lagu yang diwarisi dari generasi terdahulu. Namun, hal ini mungkin mengalami sedikit asimilasi dari segi aturan lirik, gaya nyanyian atau alat muzik serta cara penyampaiannya yang dipelbagaikan. Selain itu, lagu rakyat masyarakat Melayu adalah lagu-lagu atau nyanyian yang berasal dari suatu kawasan dalam Alam Melayu tidak kira kawasan itu terletak di negara Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei, hatta di mana-mana pelusuk pulau terpencil di Nusantara sekalipun, maka ianya merupakan lagu-lagu yang amat popular di kawasan tersebut.

Kebiasannya lagu rakyat menceritakan perihal masyarakat, alam, haiwan, tumbuh-tumbuhan ataupun senario semasa di kawasan tersebut. Lagu rakyat biasanya akan dinyanyikan semasa bermain, mendodoikan anak, hiburan setelah penat membanting tulang dan juga semasa majlis-majlis keraian, didendangkan secara berkumpulan atau berseorangan. Kanak-kanak juga bermain sambil menyanyi bagi menghiburkan hati mereka. Malah, ada juga lagu yang menjadi sebahagian daripada permainan kanak-kanak. Dengan ini menyanyi menjadi kegiatan pencetus silaturahim (Rahimah Bujang, 1999: 73). Sehubungan itu, kajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti hubungan bahasa dan pemikiran Melayu dalam lirik-lirik lagu tradisional khasnya lirik lagu “Bangau Oh Bangau” dan “Burung Kenek-Kenek” dengan menggunakan hipotesis Sapir-Whorf.

### **Objektif Kajian**

1. Untuk mengklasifikasikan falsafah dan pemikiran yang terdapat dalam lirik lagu “Bangau Oh Bangau” dan “Burung Kenek-Kenek”.
2. Untuk menganalisis falsafah dan pemikiran yang terdapat dalam lirik lagu “Bangau Oh Bangau” dan “Burung Kenek-Kenek” dengan menggunakan hipotesis Sapir-Whorf.

### **Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif pada keseluruhan kajian. Malah, dengan menggunakan kaedah ini maka data yang dikumpul dan diperoleh akan menjadi lebih detail (Azizi Yahya et. al, 2007). Selain itu, pengkaji turut menggunakan pendekatan kajian iaitu kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Kaedah ini dipilih kerana pengumpulan data dan analisis data bersumberkan kepada kandungan teks cerpen bertulis yang dipilih. Oleh sebab kajian ini memberi tumpuan khusus kepada analisis terhadap lirik lagu “Bangau Oh Bangau” dan “Burung Kenek-Kenek”, maka kaedah ini memberi kelebihan kepada pengkaji lebih dekat dengan teks yang akan dianalisis. Disamping itu, pengkaji menggunakan satu teori Relativiti Linguistik dan Hipotesis Sapir-Whorf bagi menganalisis kedua-dua lirik lagu yang dikaji.

### **Teori Relativiti Linguistik dan Hipotesis Sapir-Whorf**

Teori Relativiti Linguistik yang menjadi dasar Hipotesis Sapir-Whorf (1921), menyatakan bahawa terdapat hubungan antara bahasa, budaya dan pemikiran manusia. Dengan perkataan lain, tanggapan atau fikiran dan tindakan seseorang itu bergantung kepada struktur dan kosa kata dalam bahasanya yang digunakan untuk berfikir dan menganggap sesuatu. Dengan demikian, bahasa turut mempengaruhi tingkah laku penuturnya. Penekanan “the structure of the languages we speak affects the way we perceive the world about us” menjelaskan bahawa struktur sesebuah bahasa itu menggambarkan cara penuturnya memandang dunia dan bagaimana budaya mempunyai hubungan dengan bahasa (Jufrizal, Zul Amri & Refnaldi, 2007: 19).

Teori Relativiti Linguistik ini sebenarnya dipelopori oleh Boas, Sapir dan Whorf dengan berpendapat bahawa setiap orang berbicara dengan cara yang berbeza kerana mereka berfikir dengan cara yang berbeza-beza. Manusia berbicara dengan cara yang berbeza kerana bahasa mereka menawarkan cara mengungkapkan makna tentang dunia persekitaran dengan cara yang berbeza-beza juga. Sejajar dengan itu, Hipotesis Sapir Whorf juga menjelaskan bahawa penggabungan linguistik iaitu bahasa menentukan pemikiran dengan relativiti linguistik seperti tidak ada batasan kepada kepelbagaiannya struktur sesuatu bahasa. Dengan perkataan lain, bahasa ditentukan dengan cara seseorang penutur itu berfikir. Justeru, cara seseorang penutur berfikir dan melihat bahasa tergambar menerusi penggunaan perkataan-perkataan itu dengan lebih meluas. Hal ini kerana penutur cuba memaksimumkan fungsi perkataan untuk mengungkapkan idea yang hendak disampaikan seperti dalam sesebuah karya sastera. Tambahan lagi, struktur bahasa yang dilahirkan adalah bukti yang mempengaruhi cara seseorang itu berfikir dan berperilaku.

Bahasa dapat dikatakan sebagai sebahagian integral, iaitu yang perlu atau yang menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia. Bahasa juga menyerap dalam setiap fikiran dan cara penutur memandang dunianya. Hipotesis Sapir-Whorf memiliki dua versi iaitu versi ekstrem dan versi sederhana (Effendy Kadarisman, 2009: 93). Versi ekstrem menyatakan bahawa cara kita memandang terhadap sesuatu realiti ditentukan sepenuhnya oleh bahasa pertama kita. Manakala versi sederhana pula menyatakan bahawa cara kita memandang sesuatu realiti dipengaruhi oleh bahasa pertama. Realiti pada hakikatnya lebih merupakan reality mental, iaitu pemikiran. Pola-pola pemikiran manusia dipengaruhi oleh bahasa pertama dan budaya setempat. Malah terdapat konsep dalam pemikiran manusia yang merujuk kepada sesuatu objek yang wujud dalam alam sekeliling kita. Dengan demikian, terdapat sesuatu yang universal pada bahasa dan dalam konteks ini, pengkaji merujuk kepada lirik lagu tradisional Melayu iaitu lirik lagu Bangau Oh Bangau dan Burung Kenek-Kenek. Tegasnya bahasa menjadi alat dan wadah untuk menyampaikan mesej atau pesan kepada penuturnya.

### **Dapatkan dan Perbincangan**

Dapatkan dan perbincangan hanya menjurus kepada beberapa falsafah, hubungan bahasa dan pemikiran yang terkandung dalam lirik lagu yang dikaji dengan menggunakan hipotesis Sapir-Whorf. Antara falsafah dan pemikiran yang terkandung dalam lirik lagu “Bangau Oh Bangau” iaitu <sup>1)</sup>sindiran budaya menyalahkan orang lain, <sup>2)</sup>sindiran kepada masyarakat pemalas, <sup>3)</sup>keikhlasan dalam melaksanakan sesuatu tindakan/perancangan dan <sup>4)</sup>falsafah pegangan hidup. Seterusnya, falsafah dan pemikiran yang terdapat dalam lirik lagu “Burung Kenek-Kenek” pula ialah <sup>1)</sup>sebagai nasihat agar menjadi insan yang bertaqwah, <sup>2)</sup>sebagai nasihat agar patuh kepada ibu bapa, <sup>3)</sup>sebagai nasihat untuk rajin belajar dan <sup>4)</sup>sebagai nasihat untuk tidak bersikap angkuh.

### **Falsafah dan Pemikiran dalam Lirik Lagu “Bangau Oh Bangau”**

#### ***Sindiran kepada Budaya Menyalahkan Orang Lain***

Sikap dalam masyarakat Melayu yang sering menyalahkan pihak lain kerana kelemahan diri sendiri yang tidak dapat mencapai keinginan peribadi banyak dilihat dewasa ini. Sikap ini merupakan satu realiti sebenar dalam kehidupan manusia yang meletakkan kesalahan ke atas bahu orang lain demi menyelamatkan diri. Secara umumnya, lagu Bangau Oh Bangau ini menjadi kisah saling menyalahkan antara satu sama lain, yang mana tidak ada siapa pun yang mau mengaku salah. Hal ini dapat kita lihat menerusi reality kehidupan masyarakat kita sekarang yang lebih gemar menunding jari ke atas orang lain sekiranya berlaku sesuatu yang buruk. Sebagai contoh, apabila berlakunya perbuatan vandalism di sekolah sudah pasti kesalahan hanya diarahkan kepada

pihak berwajib sedangkan ibu bapa dan pihak sekolah tidak memainkan peranan masing-masing dalam memulihkan keadaan.

Sepatutnya yang lebih utama ialah kita mencari jalan penyelesaian dan punca untuk mengatasi masalah berkenaan agar ianya tidak berulang lagi dikemudian hari. Tidak perlu kita menyalahkan orang lain seperti mana yang digambarkan dalam lirik lagu Bangau Oh Bangau yang jelas memperlihatkan budaya menyalahkan orang lain. Contohnya dapat dilihat pada bait-bait lagu berikut;

Rumput oh rumput, mengapa panjang sangat?  
Macam mana aku tak panjang, lembu tak makan aku.  
Lembu oh lembu, mengapa tak makan aku?  
Macam mana aku tak makan, perut aku sakit.  
...

Sehubungan itu, watak binatang dalam lirik lagu ini mewakili kelompok masyarakat yang mempunyai budaya negatif yang menular dan membimbangkan. Watak-watak yang digambarkan mempunyai peranan tersendiri dalam masyarakat kita seterusnya memberi kesan buruk kepada pihak lain. Hal ini disokong dengan kenyataan Shahnun Ahmad (1994: 7) yang mengatakan bahawa perwatakan harus disesuaikan dengan realiti. Perwatakanlah yang melahirkan dan menentukan rupa bentuk aksi dan plot. Maka, perwatakan yang digambarkan sememangnya wujud dalam kehidupan reality masyarakat dewasa ini.

Selain itu, kisah ini mengajar kita apabila berlaku satu masalah dalam masyarakat, setiap individu dari sekecil-kecilnya sehingga ke sebesar-besarnya (sama ada dari segi kedudukan atau pengaruh) sewajarnya melihat keupayaan, kelemahan, peranan, kemampuan serta daya upaya bertindak masing-masing. Tegasnya, setiap dari kita hendaklah melihat diri sendiri dahulu sebelum sewenang-wenangnya menunding jari kepada orang lain. Malah, kita juga perlu mencari apa yang salah, dan bukannya mencari siapa yang salah. Walau pun masalah itu kecil, kita perlu membuat penyelesaian yang terbaik mengikut kemampuan yang ada pada lingkungan pengaruh kita. Oleh yang demikian, pencipta lagu ini dilihat menyarankan agar masyarakat kita berubah dan membetulkan diri sendiri dahulu, maka barulah kita akan berjaya membetulkan orang lain.

Berbalik kepada penghasilan lirik lagu kanak-kanak ini, ianya jelas menunjukkan pola fikiran bangsa Melayu yang bijak dan kreatif dalam memilih aspek bahasa iaitu penggunaan perkataan-perkataan dan frasa yang bermakna dalam lagu tradisional bagi menggambarkan realiti kehidupan yang sebenar sebagaimana yang dinyatakan oleh Edwar Djamanis (1985: 74) yang memberi makna bahawa “karya sastera Melayu dapat melambangkan watak dan sifat sesuatu bangsa”. Sebagai rumusan daripada lirik lagu Bangau Oh Bangau di atas, terbukti bahawa bahasa tidak terpisah daripada corak pemikiran dan budaya penutur yang merupakan satu warisan sosial, disamping sebagai satu panduan terhadap tindakan dan kepercayaan dalam menentukan perjalanan hidup bangsa Melayu. Dalam hal ini, language is a mirror of the society amat relevan dengan reality bahasa sebagai alat komunikasi (Lavandera, 1988: 19). Dengan demikian, pandangan hipotesis Sapir-Whorf iaitu bahasa tidak hanya menentukan kebudayaan tetapi juga menentukan bentuk pemikiran penuturnya adalah benar.

### ***Sindiran kepada Masyarakat Pemalas***

Sifat imaginatif pencipta lirik lagu Bangau Oh Bangau ini secara tidak langsung telah menyelitkan pengajaran dan moralistik kepada pendengarnya. Contohnya, watak bangau yang dikatakan kurus

sedangkan dalam dunia realiti tiada bangau yang berbadan gemuk. Hal ini menimbulkan persoalan di mana bangau mengatakan bahawa badannya kurus kerana ikan tidak mahu timbul sedangkan bangau tidak perlu menunggu sahaja kedatangan ikan kerana bangau harus berusaha mencari dengan paruhnya yang panjang yang hanya disia-siakan begitu sahaja. Sikap yang suka menunggu makanan jatuh bergolek adalah sikap masyarakat yang malas untuk berikhtiar mencari rezeki sehingga sanggup menyeksa diri. Begitu juga dengan watak kerbau yang makan nasi mentah. Jika dilihat disebalik realiti binatang ini, kerbau tidak makan nasi tetapi apa yang mahu disampaikan dalam bait-bait lagu ini adalah sebaliknya. Kerbau merupakan simbol kepada golongan manusia yang mengambil rasuah atau suapan. Maka golongan ini akan menerima balasan daripada perbuatan mereka yang menggunakan wang daripada sumber yang haram.

Setiap watak dalam lirik lagu bangau oh bangau ini mencipta persoalan-persoalan yang baru tanpa berani untuk memikirkan atau mengkaji jawapan yang pasti atau benar kepada persoalan yang telah dikemukakan. Pengakhiran cerita yang menyatakan bahawa ular berani menyatakan kebenaran tentang dirinya sendiri. Di sini, ular melambangkan binatang yang berbisa dan mempunyai lidah yang bercabang. Manusia yang dikatakan lidah bercabang ialah manusia yang selalu berubah-ubah dan tidak boleh dipercayai kata-katanya. Walau pun begitu, sikap ular yang prihatin dan bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah dirinya dengan menamatkan rantaian cerita di mana mengaku bahawa katak merupakan makananya. Namun begitu, persoalan-persoalan lain masih lagi bergantungan kerana watak-watak binatang yang lain tidak mahu menyatakan kebenaran. Sekiranya watak ular turut menimbulkan persoalan seperti watak-watak lain, maka lagu ini tidak akan berkesudahan.

Terdapat logikal dalam lagu ini yang menjadikan kejadian alam sebagai sumber utama iaitu sistem rantaian makanan. Jika dilihat daripada satu sudut, lirik lagu ini banyak menyentuh tentang sikap yang tidak suka berusaha keras untuk mencapai kehendak. Mereka hanya bergantung kepada pihak lain untuk memuaskan kehendak peribadi. Menurut Sivamurugan Panidan (2005: 38-39) dalam makalahnya menyatakan bahawa secara semula jadi orang Melayu adalah terbelenggu oleh kompleks rendah diri dengan mewarisi sifat tersebut. Faktor geografi juga dilihat mempengaruhi gaya hidup mereka kerana mendapat sumber makanan yang cukup menyebabkan mereka tidak pernah berlapar. Seharusnya, mereka perlu berusaha keras untuk memperoleh rezeki. Mereka hanya ingin mendapat keuntungan dengan cara yang mudah. Orang Melayu juga dilihat sebagai golongan yang mudah dieksloitasi dan mudah menyerah kalah. Bahkan, faktor geografi juga dilihat mempengaruhi gaya hidup mereka kerana mendapat sumber makanan yang cukup menyebabkan mereka tidak pernah berlapar.

Rumusannya, pemikiran orang Melayu yang menyentuh perihal sindiran kepada masyarakat yang pemalas untuk berusaha dalam lirik lagu Bangau Oh Bangau ini adalah sejajar dengan ajaran agama Islam yang meletakkan sikap berusaha keras untuk mencapai kehendak sebagai satu bentuk ibadah. Hal ini menjelaskan bahawa aspek bahasa dalam lirik lagu tradisional Melayu ini jelas berhubungan erat dengan pemikiran dan budaya bangsa Melayu memandang tinggi terhadap sikap berusaha keras untuk mencapai kehendak dan sifat rajin berusaha sebagai penyuluh kehidupan. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa bahasa yang menjelaskan makna dalam lirik lagu Bangau Oh Bangau adalah bukti yang menunjukkan terdapatnya hubungan erat antara bahasa, budaya, dan pemikiran bangsa Melayu sebagaimana yang dinyatakan hipotesis Sapir Whorf, iaitu bahasa ditentukan oleh cara penutur itu berfikir. Cara seseorang penutur berfikir dan melihat bahasa tergambar menerusi penggunaan perkataan-perkataan itu dengan lebih meluas. Hal ini membenarkan hipotesis Sapir Whorf yang menyatakan pola-pola pemikiran manusia dipengaruhi

juga oleh budaya setempat penutur bahasa itu. Dengan demikian, bahasa dalam lirik lagu Melayu khasnya lagu Bangau Oh Bangau ini turut memadukan sistem pengetahuan dan kepercayaan bangsa Melayu sebagai asas tingkah laku budaya berasaskan kepada pemikiran yang bertunjangkan anjuran agama Islam dan budaya setempat.

### ***Keikhlasan dalam Melaksanakan Sesuatu Tindakan/Perancangan***

Seperti yang kita sedia maklum, ikhlas merupakan satu perkataan yang mudah untuk disebut tetapi apa maksud sebenar ikhlas itu sendiri, ramai yang tidak memahaminya. Lantaran itu, amalan yang dilakukan oleh seseorang itu haruslah menjurus kepada tindakan yang sepatutnya hendak dilakukan. Jadi, asas sesuatu tindakan mestilah dilakukan dengan ikhlas. Seterusnya, pelaksanaan/kaedah/ sistem yang digunakan atau diketengahkan seharusnya dan semestinya secara hikmah iaitu tidak memberi kemudaratannya kepada pihak lain.

Pelaksanaan yang ditekankan ini ialah mesti melaksanakannya dengan mengikut konsep ukhuwah dan bukannya untuk mementingkan kepentingan diri sendiri terlebih dahulu. Oleh itu, kita harus kembali kepada asas utama kita iaitu berpandukan kepada ajaran agama dan hadis. Malah Allah SWT sendiri menyarankan kita melakukan sesuatu dengan hikmah dan menghalangnya juga dengan hikmah. Maka dengan itu setiap pelaksanaan itu akan mencapai matlamat yang baik dan mendapat barakah dari Allah SWT sekiranya kita ikhlas dalam melaksanakan sesuatu tindakan atau perancangan. Hal ini dapat kita lihat menerusi bait-bait lagu Bangau Oh Bangau yang menggambarkan sindiran kepada manusia supaya ikhlas dan bertindak bijak dalam melaksanakan sesuatu tindakan ataupun perancangan. Antara contoh dalam bait-bait lagu Bangau Oh Bangau ialah;

Nasi oh nasi, kenapa engkau mentah?  
Macam mana aku tak mentah, kayu api basah.  
Kayu oh kayu, kenapa engkau basah?  
Macam mana aku tak basah, hujan timpa aku.

Hal ini menunjukkan bahawa kehidupan adalah sesuatu yang bermula dari dalam alam rahim hingga kita menghembuskan nafas yang terakhir dan setiap amalan walau sebesar zarah sekalipun, ianya akan dinilai dan dihitung oleh Allah SWT di akhirat kelak. Sehubungan itu, sekiranya sesuatu tindakan dibuat menggunakan akal, sudah pasti sesuatu hasil daripada tindakan tersebut akan lebih sempurna dan menjadi lebih baik. Sebagai contoh, jika tindakan kita meletakkan kayu api di tempat yang terlindung daripada hujan dan panas, pasti kayu api tersebut tidak akan basah dan dapat digunakan dengan sebaik mungkin. Malah, kayu tersebut juga dapat berfungsi dengan baik dalam memberikan sumbangannya bagi menyalaakan api untuk memasak nasi agar tidak menjadi mentah.

Daripada contoh lirik lagu di atas, jelaslah menunjukkan bahawa hubungan antara bahasa dan pemikiran Melayu yang berkait dengan tingkah laku dan nilai moral manusia seperti yang terkandung dalam hipotesis Sapir Whorf, iaitu cara manusia berfikir dan memancang dunianya adalah dipengaruhi oleh bahasanya. Pemikiran dan kebahasaan bangsa Melayu yang terkandung dalam karya sastera khasnya lagu-lagu tradisional Melayu adalah bersifat realiti dan humanistik.

### ***Falsafah atau Pegangan Hidup***

Setiap orang dalam dirinya ada falsafah yang dipegang, dibentuk dari kecil hingga dewasa menerusi persekitaran. Itulah falsafah yang kita tidak sedari. Falsafah diri yang dianggap betul oleh diri sendiri yang sebenarnya tidak betul jika diperaktikkan ke atas orang lain, akan

mengakibatkan kesan yang tidak baik. Ada yang berfalsafah, “jika aku dah benci, aku akan benci selama-lamanya” atau falsafah yang berfikiran positif seperti “jika orang lain boleh, aku pun boleh” atau pun “pendapat aku sahaja betul, dan orang lain salah”.

Melalui falsafah yang dinyatakan itu, ianya akan mencorakkan cara berfikir dan membentuk cara bertindak. Namun, falsafah yang betul adalah mengikut syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT melalui ajaran Nabi Muhammad SAW. Contohnya, watak bangau yang dikatakan kurus sedangkan memang dalam dunia realiti, tiada bangau yang berbadan gemuk. Hal ini menunjukkan tiada kebenaran dalam ilmu yang disampaikan dalam lirik tersebut. Bangau mula menimbulkan persoalan di mana bangau mengatakan bahawa badannya kurus kerana ikan tidak mahu timbul sedangkan bangau tidak perlu menunggu sahaja kedatangan ikan kerana bangau harus berusaha mencari dengan paruhnya yang panjang yang hanya disia-siakan.

Dalam hal ini, bangau mungkin memegang konsep falsafah “rezeki secupak takkan jadi segantang” atau “sudah takdirnya aku kurus”. Lantaran itu, dia tidak mahu berusaha mencari makanan yang lebih kerana baginya kalau makan banyak sekali pun dia tetap kurus. Maka kerana itulah dia tidak mahu berusaha lebih dan suka menyalahkan pihak lain apabila ada yang bertanya tentang keadaan dirinya yang kurus. Sikap suka menumpang atau menyalahkan pihak lain juga bersesuaian dengan tabiat bangau itu sendiri yang secara realitinya suka bertenggek di atas lembu atau kerbau di sawah.

Oleh itu, kebijaksanaan bangsa Melayu dalam membuat pemadanan perilaku watak bangau telah melestarikan lagu tradisional ini sebagai alat pengajaran dan pelaksanaan terhadap setiap tindakan bangsa Melayu dalam mengatur kehidupan, sekali gus menyerlahkan unsur kreativiti bangsa Melayu dalam memaksimumkan fungsi sesuatu perkataan untuk mengungkap idea yang hendak disampaikan dalam lirik lagu Melayu. Hal ini dikatakan bersesuaian dengan pernyataan hipotesis Sapir Whorf yang mengatakan bahawa budaya masyarakat tercermin dalam bahasa yang digunakan masyarakat kerana mereka memiliki segala sesuatu dan melakukannya dengan cara tertentu untuk mencerminkan apa-apa yang mereka nilai dan apa-apa yang mereka lakukan terbukti benar. Justeru, aspek keindahan berbahasa yang diaplikasikan dalam penciptaan lagu tradisional Melayu turut menyerlahkan wacana kebahasaan yang terkandung dalam setiap fikiran penutur. Bahkan penutur dapat menzahirkannya secara bijaksana ketika mengungkapkan sesuatu yang dialamnya termasuk cita-cita, daya usaha, kesedihan dan kegembiraan yang ditempuhi dalam kehidupan mereka.

Tuntasnya, bahasa dalam lirik lagu tradisional seperti lirik lagu bangau oh bangau ini adalah refleksi pemikiran yang terbentuk daripada kesedaran manusia untuk melakukan sesuatu penaakulan, persepsi, perlakuan dan tindakan dengan bersumberkan alam sekeliling. Pemikiran dan budaya bangsa Melayu tercermin dalam lirik lagu tradisional yang digunakan kerana mereka memiliki segala sesuatu dan melakukannya dengan cara tertentu untuk mewakili apa-apa yang mereka nilai dan apa-apa yang dilakukan mereka. Walau pun elemen-elemen budaya tidak menentukan sepenuhnya aspek bahasa dalam lirik lagu Bangau Oh Bangau ini tetapi elemen-elemen tersebut jelas mempengaruhi cara bahasa itu digunakan dalam lagu tradisional Melayu. Oleh yang demikian, adalah benar bahawa setiap kandungan bahasa yang digarapkan dalam lirik lagu Melayu mampu memberikan gambaran sosiobudaya bangsa Melayu itu sendiri secara semantic dan pramagtik. Sehubungan itu, bahasa merupakan entity mental yang berkait dengan pemikiran individu maupun pemikiran kolektif dalam kalangan bangsa Melayu sejak dahulu lagi.

## **Falsafah dan Pemikiran dalam Lirik Lagu Burung Kenek-Kenek**

### ***Nasihat agar Menjadi Insan yang Bertaqwa***

Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan adalah dengan mempercayai kewujudan pencipta yang menyedarkan manusia tentang tanggungjawab mereka memakmurkan alam. Agama adalah penyuluhan kehidupan. Oleh itu, individu yang mementingkan keagaman akan memperoleh kesejahteraan hidup. Namun begitu, individu itu mesti mempunyai keseimbangan antara unsur mental, rohani dan jasmani seperti yang dikehendaki dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Seperti bait-bait lagu di bawah, manusia sebagai hambanya haruslah sentiasa berserah diri dan memohon kebaikan daripada-Nya, dan yang paling penting sentiasa bertaqwa kepada-Nya.

Burung Kenek-kenek  
Terbang tinggi di awan  
Pesan datuk nenek  
Pandai-pandai cari kawan

Burung kenek-kenek  
Hinggap di atas dahan  
Pesan datuk nenek  
Sujudlah pada Tuhan

...

Hal ini berkait rapat dengan konteks ibadat yang menjadi fokus utama bagi melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai khalifah atau hamba-Nya di muka bumi. Aspek ini dapat dilihat menerusi pemaparan bait-bait terakhir lirik lagu Burung Kenek-Kenek ini yang mengetengahkan amalan dan nilai tanggungjawab manusia kepada Tuhan seperti bersolat. Hal ini juga dapat dibuktikan melalui sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwatkan oleh Al Bukhari dan Muslim, maksudnya:

“Islam itu terbatas atas lima perkara; iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah, iaitu tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, melaksanakan haji dan berpuasa dibulan ramadhan.”

(Mohd Gunawan Che Ab Aziz, 2003: 10)

Selain itu, dikiaskan juga solat dalam hadith ini ialah ibadat-ibadat lain seperti puasa, haji dan zakat bahkan hendaklah kita memberi kefahaman kepada anak-anak bahawa ibadat menurut Islam tidak terbatas kepada lima perkara ini sahaja tetapi merangkumi segala amal soleh seperti perkara halal haram sejak mereka kecil lagi sebagai didikan dan membentuk jiwa yang beragama yang dapat mengawal dirinya daripada kesesatan.

Seperti yang diketahui, solat merupakan tiang agama yang berperanan penting dalam membentuk kekuatan diri. Hal ini kerana agama menjadi dasar kepada setiap perlakuan individu. Oleh itu, kita wajib untuk mengerjakan solat lima waktu sebagai tanda keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Malah, dengan mengerjakan solat dapat mencegah manusia daripada melakukan dosa. Selain itu, solat merupakan perkara pertama yang akan dipertanggungjawabkan atas seseorang

hamba di hadapan Allah SWT dalam pengadilan pada hari kiamat kelak. Dalam sebuah hadis riwayat al-Tabarani, daripada Anas bin Malik r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud “Perkara pertama yang akan dihisab daripada seorang hambanya pada hari akhirat kelak ialah solat. Jika solatnya baik, maka baiklah seluruh amalnya. Jika rosak, maka rosaklah seluruh amalnya”. Seterusnya, solat juga berada di kedudukan tersendiri dalam Islam yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana ibadat lain. Hal ini kerana ianya merupakan tiang agama yang menjadi paksi utama seseorang umat Islam.

### ***Nasihat Agar Patuh Kepada Ibu Bapa***

Secara amnya, ibu bapa mempunyai kedudukan yang tinggi lagi mulia di sisi Allah SWT. Merekalah yang menjadi sebab kelahirannya anak-anaknya. Mereka jugalah yang memelihara, mengasuh serta mendidik anak-anak itu dengan sempurna, termasuklah memberi makan dan minum, pakaian, lindungan dari segi keselamatan serta kasih sayang. Segala pengorbanan kedua ibu bapa terutamanya pengorbanan seorang ibu yang mengandungkan dan melahirkan anak-anak sangatlah tidak ternilai besarnya jika hendak dibalas. Jasa ibu bapa adalah amat banyak dan tidak dapat digambarkan dengan begitu sahaja.

Konklusinya, seorang anak itu hendaklah sentiasa menjaga adab dan tanggungjawab terhadap kedua-dua ibu bapa mereka. Antara adab yang perlu seseorang anak itu laksanakan ialah jangan sesekali menderhaka kepada mereka, kerana derhaka kepada kedua ibu bapa adalah suatu dosa besar. Anak yang tidak mendapat keredhaan ibu bapa tidak mendapat keredhaan Allah SWT dan ibadahnya tidak diterima. Oleh itu, pengkaji mendapati lirik lagu Burung Kenek-Kenek ini dengan jelas memaparkan pemikiran dan falsafah iaitu sebagai nasihat agar patuh kepada kedua orang tua. Berikut adalah contoh bait-bait lirik lagu yang memperlihatkan falsafah dan pemikiran tersebut, iaitu:

...  
Burung kenek-kenek  
Hinggap pohon kelapa  
Pesan datuk nenek  
Patuh ibu bapa

### ***Berakhlak Mulia (Tidak Bersikap Angguh)***

Dalam lirik lagu Burung Kenek-Kenek, kebanyakan isi yang diutarakan oleh pengarang adalah berkaitan dengan nasihat supaya menjaga pertuturan dan tingkah laku. Nilai ini sangat berkait rapat dengan akhlak seorang individu. Semua tingkah laku dan pertuturan yang sopan akan membentuk peribadi yang baik. Keterampilan diri akan wujud dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan akan tercapai untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis, merujuk kepada manusia yang ada sifat ketenangan, kesejahteraan jiwa dan kesedaran terhadap tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Contohnya dapat dilihat menerusi bait-bait lagu Burung Kenek-Kenek seperti berikut;

Burung kenek-kenek  
Hinggap di atas bumbung  
Pesan datuk nenek  
Jangan laku sompong

Melalui bait-bait lagu di atas, individu khasnya masyarakat Melayu dinasihatkan agar tidak sompong, riak dan dengki dengan orang lain. Sebaliknya individu disuruh supaya merendahkan diri. Semua tingkah laku dan pertuturan yang sopan akan membentuk peribadi yang baik. Jelas pembentukan modal insan akan tercapai untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis, merujuk kepada manusia yang ada sifat ketenangan, kesejahteraan jiwa dan kesedaran terhadap tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Pertuturan yang baik perlu diucapkan kepada semua tanpa mengira pangkat dan darjat. Selain itu, sikap yang perlu dijauhi ialah sikap tamak. Peribahasa Melayu ada mengatakan bahawa “orang tamak selalu rugi, bagi anjing dengan bayang-bayang”. Jela bahawa sikap ini akan membawa kepada kerugian. Jika seseorang itu bersikap pemurah, ini menunjukkan individu itu mempunyai akhlak yang baik, sanggup berkongsi sesuatu dengan orang lain, sanggup membantu ketika kesusahan dan sebagainya. Sikap yang baik ini iaitu pemurah yang berlawanan dengan sikap tamak akan melahirkan individu yang bertanggungjawab dan berketerampilan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mahu melahirkan individu yang bertanggungjawab bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada masyarakat dan negara. Contohnya seperti lirik lagu dibawah;

Geleng-geleng sapi  
Berbulu di telinga  
Atur tapak kaki  
Berdiri lama-lama

Geleng-geleng sapi  
Sapi berbulu merah  
Atur tapak kaki  
Cepat-cepat melangkah

Perkara ini merujuk kepada daya intelek dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu seseorang tahu membuat pertimbangan antara perkara baik atau sebaliknya. Sekiranya individu tersebut membuat penilaian yang betul, akhlak yang baik akan wujud seterusnya akan menyerlahkan keterampilan diri seseorang.

### **Implikasi Dapatan Kajian**

Lagu tradisional Melayu menyingkapkan secara tersurat dan tersirat akan pemikiran Melayu yang kreatif dalam berfalsafah untuk mengungkapkan pesanan, idea, pandangan, nashiat, pengajaran dan sebagainya. Dalam hal ini bahasa adalah entity mental yang wujud dalam pemikiran setiap individu. Melalui penggunaan bahasa yang ringkas tetapi mempunyai niali estetika yang tersendiri, sesuatu konsep yang dibina dalam pemikiran diterjemahkan dalam peribahasa yang tampak relevan dengan world view bangsa Melayu itu sendiri. Penggunaan perkataan yang menggambarkan latar budaya bangsa Melayu tradisional yang berhubungkait daripada alam flora dan alam fauna seperti ikan, bangau, kerbau, itik, ular, burung, rumput, kayu api, pokok dan sebagainya lagi secara kolektifnya menggambarkan ketajaman kognisi bangsa Melayu dalam membuat pembedaan yang relevan dalam menghasilkan lirik lagu Melayu dan maknanya.

Selain itu, penggunaan kata yang mempunyai unsur persoalan (sebab dan akibat) dan berangkap menggambarkan kebijaksanaan bangsa Melayu memanipulasi bahasa untuk menonjolkan unsur keindahan dalam berbahasa. Hal ini menunjukkan sesuatu yang timbal balik iaitu budaya yang juga mempengaruhi bahasa dan pemikiran penuturnya sekaligus membuktikan struktur bahasa yang dilahirkan dalam peribahasa adalah bukti yang mempengaruhi cara bangsa Melayu berfikir

dan berperilaku. Selanjutnya, lirik lagu Bangau Oh Bangau dan Burung Kenek-Kenek ini adalah konsep dalam pemikiran bangsa Melayu yang merujuk objek dan perlakuan secara benar dan bersifat objektif. Perihal hukum logik dan keindahan yang terkandung dalam pemikiran ini dizahirkan dalam bahasa yang indah dan padat iaitu lirik lagu tradisional untuk memberikan makna dan kesan yang mendalam serta diperturunkan daripada generasi kepada generasi sterusnya.

Daripada lirik lagu yang dikaji ini, jelas membuktikan bahawa lirik lagu ini menyingkap hubungan logik antara bahasa, budaya dan pemikiran manusia penuturnya. Justeru, kedua-dua lirik lagu ini digunakan sehingga ke hari ini untuk menyampaikan dan menerangkan sesuatu konsep, peristiwa, idea, teguran, nasihat, adat, pengajaran, sindiran, pengalaman hidup dan sebagainya lagi. Secara universalnya, hubungan bahasa dengan pemikiran yang terpancar dalam lirik lagu Melayu tradisional khasnya lirik lagu Bangau Oh Bangau dan Burung Kenek-Kenek adalah benar dan terjadi secara sistematis, logik dan suatu yang malar. Dengan demikian, hipotesis Sapir Whorf dapat diterima. Malah, pendapat Sapir Whorf ini juga boleh diaplikasikan dalam meneliti aspek perilaku dan kebahasaan bangsa Melayu.

### Kesimpulan

Lirik lagu Bangau Oh Bangau dan Burung Kenek-Kenek bukanlah dicipta untuk tujuan hiburan kepada kanak-kanak semata-mata, tetapi pada setiap bait-bait liriknya mempunyai sindiran halus dan nasihat untuk disampaikan kepada masyarakat Melayu demi membangunkan minda bangsa agar bergerak ke arah kemajuan modenisasi. Adat dan budaya Melayu yang halus dan berbudi bahasa turut menggunakan medium sastera seperti nyanyian atau cerita rakyat untuk menyindir dan menyedarkan kepada khalayak masyarakat Melayu agar lebih berintelektual seiring dengan peredaran masa.

Sehubungan itu, penelitian terhadap lirik lagu tradisional khasnya Bangau Oh Bangau dan Burung Kenek-Kenek telah menjawab bahawa bahasa tidak hanya menentukan kebudayaan tetapi juga menentukan pola fikiran bangsa Melayu. Hubungan antara bahasa dan kebudayaan yang begitu erat ini terjadi dalam kehidupan lahiriah dan batiniah. Hal ini sejajar dengan pernyataan hipotesis Sapir Whorf. Malahan daripada beberapa contoh falsafah yang dibincangkan, tergambar hubungan bahasa dan pemikiran bangsa Melayu yang bergerak beriringan dan terjadi secara relatif. Melalui kata-kata yang digunakan dalam lirik lagu ini sama ada secara tersurat dan tersirat telah menyerahkan nilai keindahan dan kesantunan berbahasa yang wujud dalam bangsa Melayu yang diwarisi sejak turun temurun sebagai satu warisan budaya yang sering dipelihara.

### Rujukan

- Asdi S. Dipodjojo. (1966). *Sang Kantjil Tokoh Binatang Indonesia*. Gunung Agong: Djakarta.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Aliran dalam Kesusastraan Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Deraman. (2007). *Pengukuhan Bahasa dan Pemikiran Melayu Serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gumperz, John J. (1996). Introduction to Part IV: The Social Matrix, Culture, Praxis, and Discourse. Dlm J.J Gumperz & S. Levinson. *Rethinking Linguistic Relativity* (hlm. 359 - 373). Cambridge University Press.
- Irwandy (pnyt). *Bahasa dan Pemikiran Melayu/ Indonisea Menyosong 2025* (hlm 3-22). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Halimah Badioze Zaman. (1992, May). Sastera Kanak-Kanak: Pembentukan Pemikiran dan Pemupukan Nilai-Nilai Murni. *Dewan Sastera*.
- Hamzah Hamdani. (2013). *Citra dan Visi Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (2005). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1988). *Kritikan Kesusasteraan Melayu: Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Idrus Jasin. (1983). Peranan dan Posisi *Watak-watak Binatang di dalam Cerpen-cerpen Melayu Selepas Tahun 1960-an*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalongo, M. (2000). *Early Childhood Language Arts*. (2nd ed.). USA: Allyn & Bacon.
- Jufrizal Zul Amri & Refnaldi. (2007). Hipotesis Sapir Whorf dan Struktur Informasi Klausma Pentopikalan Bahasa Minangkabau. *Jurnal Linguistika*, 14(26), 1-22.
- Kramsch, C. (2001). *Language and Culture*. UK: Oxford University Press.
- Lavandera, B. (1988). The Social Pragmatics of Politeness Forms. In U. Ammon and N. Dittmar (Eds.), *Sociolinguistics: An International Handbook of The Science of Language and Society Vol 1*. (hlm. 1196-1205) Berlin: Mouton de Gruyter.
- Masira Kariman. (1986). *Nilai Moral dan Pemikiran dalam Cerita Binatang*. Bangsar: Universiti Malaya.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Siti Saniah Abu Bakar & Arba'ie Sujud. (1989). Warisan Budaya Berfikir Lambang Kecendekiaan Minda Melayu dalam Sastera Rakyat Kanak-Kanak. *Jurnal ASWARA*, 5(1), 18–27.
- Nurfarhana Shahira Rosly, Normaliza Abd Rahman & Hazlina Abdul Halim. (2015). Pengaruh Elemen Cerita Binatang Berbentuk Digital ke atas Ujaran Kanak-kanak Sindrom Asperger. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 02, 75–85.
- Othman Puteh & Abdul Ahmad. (1984). *Sekitar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.